



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS KEMENTERIAN KERJA RAYA BERHUBUNG ISU KENAIKAN TOL 2016

Berhubung isu kenaikan kadar tol yang menjadi perhatian media mutakhir ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin menjelaskan bahawa, sehingga kini tiada sebarang perbincangan mahupun keputusan dibuat di peringkat jemaah menteri. Namun begitu, berdasarkan kepada perjanjian konsesi sebanyak lapan lebuh raya tersenarai layak untuk menerima kenaikan kadar tol pada tahun 2016.

Walau bagaimanapun, sekiranya kenaikan kadar tol ini tidak dipersetujui oleh Kerajaan, maka pihak Kerajaan perlu membayar pampasan dianggarkan melibatkan peruntukan sebanyak RM593 juta.

Kementerian menyedari beban kewangan yang ditanggung rakyat ketika ini, justeru Kerajaan akan berusaha mencari penyelesaian dengan mengadakan rundingan dan persetujuan bersama syarikat-syarikat konsesi. Dalam proses rundingan ini beberapa perkara dan parameter perlu diberi perhatian seperti mengurangkan beban kewangan pengguna lebuh raya sebagai pembayar tol, obligasi syarikat konsesi terhadap pemberi pinjaman/ pemegang bon, serta obligasi dan kepentingan pihak Kerajaan.

Prinsip asas kepada rundingan ini adalah berpaksikan kepada situasi menang-menang (*win-win situation*) antara Kerajaan dan syarikat konsesi.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 DISEMBER 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my